

11 NOV 1999

NAZRI-PILIHANRAYA

PILIHANRAYA AKAN HAPUSKAN KETIDAK PASTIAN DI BSKL

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Timbalan Menteri Kewangan Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata hari ini pembubaran Parlimen bagi membuka jalan untuk pilihanraya akan menghapuskan satu unsur ketidak pastian daripada pasaran saham.

Nazri berkata para pelabur telah enggan berniaga di Bursa Saham Kuala Lumpur kerana ketidak pastian yang telah menyelubungi pasaran selama tiga atau empat bulan hari lalu.

"Orang mahukan kepastian," beliau memberitahu persidangan akhbar di sini selepas menyaksikan upacara menanda tangani bagi perlantikan RHB Bank dan RHB Sakura Merchant Bankers sebagai pengatur bon RM500 juta Bank Industri Malaysia Bhd.

Sambil memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana membubarkan parlimen hari ini, kata beliau: "Saya fikir adalah baik untuk memutuskan dengan muktamad siapa sebenarnya mempunyai mandat daripada rakyat untuk mentadbir negara ini."

Yakin bahawa sebuah kerajaan baru Barisan Nasional (BN) yang kuat akan dibentuk selepas pilihanraya itu, Nazri berkata para pelabur, yang mahu kestabilan daripada kerajaan yang kuat, akan menang dengna lebih besar.

Katanya perancangan untuk menggabungkan industri perbankan tempatan akan diteruskan walaupun dengan pilihanraya umum.

Sebelum itu, pengerusi eksekutif RHB Group Tan Sri Rashid Hussain berkata sentimen ke atas pasaran bon kelihatan bertambah baik manakala sentimen di pasaran saham kelihatan cerah untuk tahun depan.

"Saya merasakan para pelabur asing akan kembali dengan perlahan ke pasaran, mereka akan kembali, saya nampak mereka pulang dengan kuasa yang besar dalam suku pertama tahun depan," katanya.

-- BERNAMA

AD LPS OS